

# Permohonan kebenaran merayu pengampunan Anwar didengar 10 Januari

UM - 28/12/2022 m/s: 12

**KUALA LUMPUR:** Permohonan seorang peguam untuk mendapatkan kebenaran merayu berhubung pengampunan yang diperolehi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkaitan dengan kes liwatnya sebelum ini akan didengar di Mahkamah Persekutuan pada 10 Januari 2023.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh peguam, J. Leela yang mewakili Ahli Parlimen Tambun itu ketika dihubungi media selepas prosiding tersebut.

Ujarnya, tarikh tersebut ditetapkan Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Mazuliana Abdul Rashid secara atas talian semalam yang turut disertai peguam, Azureen Ibrahim bagi pihak Mohd. Khairul

Azam Abdul Aziz selaku pemohon.

Pada 21 September 2021, Mahkamah Mahkamah Rayuan membatalkan saman semula Mohd. Khairul Azam untuk mencabar kesahan pengampunan penuh yang diberikan kepada Anwar dan nasihat Lembaga Pengampunan berhubung kes liwat melibatkan bekas pembantu peribadinya, Mohd. Saiful Bukhari Azlan.

Panel tiga hakim diketuai Datuk Has Zanah Mehat yang bersidang bersama Datuk Mohd. Sofian Abd. Razak dan Datuk Lee Heng Cheong memutuskan demikian selepas mendapati rayuan Anwar dan badan tersebut mempunyai merit.

Anwar dan Lembaga Pe-

ngampunan memfailkan rayuan selepas Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak permohonan mereka untuk membatalkan saman tersebut.

Mahkamah Tinggi menolak permohonan Anwar dan Lembaga Pengampunan untuk membatalkan saman semula Mohd. Khairul Azam selepas berpuas hati selaku orang awam dan peguam, beliau mempunyai hak di sisi undang-undang memfailkan saman berkenaan.

Bekas Ahli Parlimen Port Dickson tersebut memfailkan permohonan membatalkan saman semula pada 13 Mei 2020 atas alasan saman itu adalah remeh, memalukan serta menyalahgunakan proses mahkamah.